

## 9.0 KEUSAHAWANAN

### 9.1 Laporan Aktiviti Keusahawanan

| Bil | Nama Program   | Tempat                                      | Tarikh                 | Bil. Peserta | Anjuran  |
|-----|--|---|------------------------|--------------|--|
| 1.  | Minggu Usahawan Tani 2007 Peringkat IPTA Semenanjung (MUTANI 07) | Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM, Bangi.  | 31 Mac – 1 April 2007  | 55           | Universiti Utara Malaysia                                      |
| 2.  | Bengkel dan Seminar Gerak Usahawan 2007                          | PWTC, Kuala Lumpur                          | 25 Ogos – 26 Ogos 2007 | 75           | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi                  |
| 3.  | Seminar "Technopreneur Academy Programme" (TAP)                  | Institut Latihan Perindustrian(ILP) Kangar. | 8 September 2007       | 60           | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) & PKENSPs |
| 4.  | Bazar Ramadhan Perdana UniMAP 2007                               | Kolej Kediaman Tun Aishah Ghani UniMAP      | 13 Sept – 10 Okt 2007  | 12 Gerai     | Unit Keusahawanan Siswa  |

### 9.2 Laporan Student Mall

Memandangkan dari tahun ke tahun, jumlah pelajar yang melanjutkan pengajian di UniMAP ini semakin bertambah, cadangan untuk membina Student Mall di UniMAP adalah langkah yang terbaik. Disamping dapat memberikan faedah yang lebih, ianya juga memberi kesenangan berbelanja kepada pelajar dan sedikit sebanyak dapat memupuk sifat-sifat keusahawanan kepada pelajar. Ini kerana, kesemua lot-lot yang disediakan untuk berniaga, adalah akan diuruskan sendiri oleh pelajar yang berminat untuk menyertainya.

Terdapat 2 lokasi untuk pembinaan Student Mall ini iaitu di Kolej Kediaman Kg Wai dan Kolej Kediaman Wang Ulu. 4 lot akan dibina di Kolej Kediaman Wang Ulu manakala 3 lagi di Kg Wai. Dengan peruntukan yang telah disalurkan dari pihak Kementerian Pembangunan Keusahawanan Dan Koperasi, pembinaan yang dijangka akan dimulakan pada awal bulan Mac 2008 ini dan ianya akan mengambil masa lebih kurang 2 bulan dan dijangkakan siap sepenuhnya pada penghujung bulan Mei 2008 ini.

Antara jenis-jenis perniagaan yang akan dijalankan di Student Mall ini ialah barangan runcit, cenderahati, alatulis, pakaian, telefon, cyber café/computer, fotokopi, fotografi, bahan bacaan, makanan(burger/kek/roti) dan perkhidmatan tempahan tiket pengangkutan darat dan udara.

Pelajar yang berminat untuk berniaga melalui Student Mall ini, hendaklah mematuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Malaysia Perlis. Antara syarat utama yang perlu dipatuhi oleh pelajar ialah mempunyai purata himpunan mata sekurang-kurangnya 2.00 dan ke atas. Selain itu, pelajar tersebut juga adalah bebas dari sebarang tindakan tatatertib dari pihak Universiti Malaysia Perlis. Dalam pada masa yang sama, pelajar dikehendaki megusulkan kertas kerja dan membuat pembentangan kepada pihak universiti berkenaan dengan perniagaan yang ingin dijalankan secara berkumpulan 5 hingga 7 orang sahaja. Ini kerana, pihak Universiti Malaysia Perlis sama sekali tidak membenarkan mana-mana pelajar menjalankan perniagaan secara perseorangan.

Diharap, dengan tertubuhnya Student Mall di Universiti Malaysia Perlis ini nanti, ianya akan mengukuhkan lagi nama Universiti Malaysia Perlis disamping dapat menjana ekonomi setempat.